



**Tajuk Artikel: 70,000 guru tak ambil PTK**  
**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 7 Mei 2007 – Isnin**  
**Oleh Abdul Razak Raaff**

**Pendidik berpengalaman rela tidak naik pangkat sebelum bersara**

KUALA LUMPUR: Kira-kira 70,000 guru bukan siswazah yang berkhidmat lebih 20 tahun, mungkin bersara tanpa berpeluang naik pangkat ekoran keengganan menduduki peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) kerana mereka yakin tidak akan lulus.

Kebanyakan guru itu, yang sudah hampir mencapai umur bersara, juga terkilan dan berasakan seolah-olah sumbangan mereka terhadap profesion keguruan tidak dihargai kerana peluang naik pangkat mungkin disekat oleh PTK.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Anuar Ibrahim (**gambar**), berkata sebahagian besar guru terbabit berpendapat PTK menutup peluang mereka untuk naik pangkat walaupun mempunyai pengalaman luas mendidik.

"Mereka berpendapat sukar untuk lulus PTK kerana terlalu tua bagi menghadapi peperiksaan. Amat sukar bagi mereka menjawab soalan pada usia semasa berbanding jika ketika masih muda.

"Mereka ini ada yang hanya empat atau lima tahun lagi untuk bersara dan kebanyakannya sudah mencapai tangga gaji maksimum. Satu-satunya peluang untuk naik gaji ialah menerusi kenaikan pangkat," katanya kepada Berita Harian semalam.

Antara syarat kenaikan pangkat bagi guru bukan siswazah daripada gred DGA29 kepada DGA32 yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ialah lulus peperiksaan PTK, berkhidmat 10 tahun ke atas serta tidak mempunyai sebarang laporan tatatertib.

Anuar berkata, ramai di kalangan guru terbabit, khususnya yang sudah terbukti berjaya melahirkan pelajar cemerlang dalam peperiksaan dan kokurikulum, berpendapat mereka tidak seharusnya disyaratkan menduduki PTK untuk naik pangkat.

"Mereka berharap pengalaman dan sumbangan terhadap profesion selama ini turut diberi pertimbangan dalam menilai peluang sama ada mereka layak diberikan kenaikan pangkat, bukannya menerusi PTK semata-mata.

"Malah, ada di kalangan guru terbabit percaya syarat lulus PTK yang ditetapkan JPA itu sebagai tidak menyebelahi mereka sebaliknya lebih menguntungkan guru bukan siswazah lebih muda," katanya.

Tinjauan NUTP mendapati lebih 50 peratus guru bukan siswazah yang sudah berkhidmat berpuluh tahun enggan menduduki PTK dengan alasan tidak akan lulus walaupun kesatuan memberi galakan dan

menyediakan kursus khas.

Berikutan itu, NUTP menyarankan supaya Kementerian Pelajaran dan JPA menimbang semula syarat lulus PTK untuk golongan itu menikmati kenaikan pangkat, dengan mewujudkan pendekatan lain yang lebih praktikal.

"Kami mencadangkan kementerian mengadakan kursus bagi menggantikan peperiksaan PTK untuk golongan ini supaya ia sekurang-kurangnya dapat mengembalikan sedikit harapan untuk mereka naik pangkat sebelum bersara," katanya.

Anuar berkata, dengan cara itu kementerian akan dilihat sebagai tidak mengabaikan pengalaman dan sumbangan guru bukan siswazah yang banyak membantu proses pembangunan pendidikan serta melahirkan generasi muda cemerlang.

Katanya, perkara itu juga sejajar dengan teras kelima Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dilancarkan kerajaan iaitu Memartabatkan Profesion Perguruan, ke arah memajukan lagi profesion berkenaan dan masa depan negara.

## **Tajuk Artikel: Anak Malaysia di Amerika rangkul Anugerah Pulitzer Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 7 Mei 2007 – Isnin**

Wartawan Wall Street Journal dedah isu kapitalisme di China

BEIJING: Bagi kebanyakan wartawan, memenangi Anugerah Pulitzer antara pencapaian paling tinggi dan membanggakan dalam kerjaya mereka.

Walaupun pencapaian ini hanya kekal sebagai impian bagi kebanyakan wartawan sehinggalah mereka memasuki alam persaraan, namun bagi Fong Foong Mei, 34, anugerah yang besar ertinya ini berjaya beliau peroleh dalam tempoh 10 tahun selepas bergelar wartawan.

Fong antara tujuh wartawan Wall Street Journal (WSJ) yang memenangi anugerah antarabangsa Pulitzer 2007 pada 16 April kerana siri laporan mereka mengenai kapitalisme di China pada tahun lalu.

"Ia sesuatu yang tidak pernah saya duga dan sebahagiannya mungkin ada kaitan dengan nasib. Memang sesuatu membanggakan apabila menerima hadiah paling tinggi dalam bidang kewartawanan kerana ia membawa prestij amat besar ertinya, tetapi kehidupan perlu diteruskan seperti biasa dan saya perlu hasilkan berita seterusnya, tugas yang bukan mudah dilaksanakan," kata bekas pelajar Sekolah Perempuan Bukit Bintang ini yang menggunakan nama Mei Fong dalam tulisannya.

Fong adalah anak bongsu kepada bekas timbalan ketua pengarah audit dalam perkhidmatan awam Malaysia, mendiang Fong Chee Yew, yang mempunyai lima anak perempuan.

Fong pernah menulis mengenai pahit maung dialami pekerja binaan imigran di Beijing dan menjadi penulis bersama laporan mengisahkan kejayaan seorang doktor China yang mendapat ilham daripada filem Erin Brokovich, lakonan Julia Roberts, untuk menyelamatkan kampung halamannya di wilayah Fujian daripada pencemaran alam.



“*Memang sesuatu membanggakan apabila menerima hadiah paling tinggi dalam bidang kewartawanan kerana ia membawa prestij amat besar ertinya*”

Laporan mengenai penderitaan pekerja imigran itu juga membawa buah kepada Fong apabila beliau dipilih pemenang hadiah pertama Anugerah Akhbar Hak Asasi Manusia 2006 anjuran Kelab Wartawan Hong Kong dan Amnesty International awal tahun ini.

"Saya mengambil masa selama dua bulan mencari orang yang sanggup bercakap dan pekerja binaan ini terharu apabila mengetahui ada orang sudi mengambil tahu apa mereka alami.

"Mengenai laporan doktor itu pula, tugasannya susah kerana kami tidak bebas bergerak dan membuat temuramah tanpa mendapat kelulusan rasmi. Waiban (pejabat luar wilayah) hanya mengetahui apa yang kami lakukan pada penghujung tugas dan mereka mengusir kami dari bandar itu. Kami menaiki sebuah kereta untuk keluar dari kawasan bergunung-ganang pada waktu malam dengan diikuti pegawai pejabat berkenaan. Kami bernasib baik kerana mereka tidak rampas buku nota kami," kata Fong.

Mulai tahun ini, wartawan asing tidak lagi perlu mendapatkan kelulusan dari pejabat itu untuk membuat temu bual dan mereka boleh memasuki China tanpa perlu mempunyai hos rasmi. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun ini, sehingga berakhirnya Sukan Olimpik dan Paralimpik 2008.

Fong pernah menuntut di Universiti Nasional Singapura dengan mendapat biasiswa daripada Singapore Press Holdings. Kemudian, beliau bertugas dengan The New Paper selama tiga tahun.

Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana dalam bidang hubungan antarabangsa di Universiti Columbia sebagai penerima biasiswa Lee Foundation. Selepas menamatkan pengajian pada 2001, Fong memohon menjalani latihan dengan agensi berita antarabangsa.

Bagaimanapun, profesor membimbing beliau mencadangkan kepada Fong menjalani latihan tiga bulan dengan WSJ, tanpa diberi jaminan ditawarkan pekerjaan selepas itu.

"Oleh kerana membesar di Asia, saya jarang membaca WSJ, sedangkan saya memerlukan pekerjaan untuk terus tinggal di Amerika. Tetapi, profesor saya menyuruh saya berbuat demikian dan menghadapi risikonya," kata Fong.

Langkah Fong ini membawa rahmat dan diterima bekerja dengan WSJ. Ketika itu berlakunya peristiwa 11 September di Amerika.

Akibat peristiwa berdarah itu, WSJ terpaksa memindahkan pejabatnya. Namun, ia tetap menerbitkan akhbarnya untuk hari berikut.

WSJ menerima anugerah Pulitzer sebagai pengiktirafan terhadap usahanya menyediakan laporan awal komprehensif tentang kejadian itu walaupun ia berdepan dengan keadaan yang begitu menyulitkan.

Fong meredah segenap jalan bagi mendapatkan cerita mengenai usaha membangunkan semula kawasan berkenaan.

Katanya, beliau bangga kerana dapat menghasilkan sebuah laporan pekerja China di Manhattan yang kehilangan pekerjaan, tetapi tidak layak menerima bantuan apabila seluruh kawasan dan kuasa elektrik di bandar raya itu dipotong.

"Mereka bekerja di kilang kain, yang sebahagian besarnya tidak lagi berfungsi. Kebanyakan mereka tidak tahu berbahasa Inggeris dan sebahagian besar pendatang wanita bekerja sebagai juruhias kuku.

"Laporan berkenaan mendorong pegawai bandar raya itu mengubah dasar diamalkan sebelum itu," katanya.

Pada 2003, Fong dihantar bertugas di Hong Kong dan di Beijing pada tahun lalu. WSJ mempunyai enam wartawan di ibu negara China ini dan dua di Shanghai.

Fong, mendirikan rumah tangga dengan lelaki Cina kelahiran Amerika, berkata beliau pulang ke Malaysia beberapa kali setiap tahun bagi melawat ibu dan kakaknya di Petaling Jaya, sambil mengambil peluang menikmati mi goreng Hokkien dan roti canai yang sukar ditemui di tempat tinggal sekarang.

Bakat Fong dalam bidang penulisan terserlah sejak di bangku sekolah. Pada 1989, beliau mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Menulis Esei Komanwel dan ibu bapa menemaninya menghadiri majlis penyampaian hadiah berkenaan yang turut dihadiri oleh Ratu Elizabeth dan Perdana Menteri Malaysia pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman, di Kuala Lumpur. – Bernama

**Tajuk Artikel: 2 minggu atasi isu minyak masak**  
**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 7 Mei 2007 – Isnin**  
**Oleh Irwan Shafrizan Ismail**

KUALA LUMPUR: Kekurangan minyak masak berpaket di pasaran akan diatasi apabila pengilang bersetuju memperbanyakkan pengeluaran paket sekilogram dan memberi jaminan masalah itu akan selesai selewat-lewatnya dalam tempoh dua minggu lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk S Veerasingam, berkata kementerian sudah mengadakan perbincangan dengan pengilang bagi mengatasi masalah itu.

"Mereka bersetuju menambahkan minyak masak berpaket sekilogram dan dijual pada harga RM2.50 seperti ditetapkan bagi mengatasi masalah kekurangan bahan itu.

"Kementerian akan pastikan minyak mencukupi di pasaran dan meminta peruncit mematuhi harga siling dan tidak menaikkan harga sesuka hati mereka," katanya selepas merasmikan Konvensyen Tamil anjuran syarikat jualan langsung CNI Holdings Berhad, di sini, semalam.

Beliau berkata, masalah itu berlaku kerana harga pasaran minyak sawit mentah (CPO) terlalu tinggi.

"Kita faham peruncit menghadapi masalah untuk jual pada harga ditetapkan kerajaan. Harga yang mereka dapat daripada pembekal atau pemborong ialah harga siling," katanya.

Kelmarin, Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin, berkata kerajaan mengekalkan harga siling minyak masak bagi paket sekilogram pada kadar RM2.50 di pasaran tempatan.

Katanya, kerajaan akan membayar ganti rugi kepada pengilang dan pembungkus minyak masak yang mengadu mengalami kerugian mulai Januari 2007, berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah (CPO).

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Veerasingam mahu syarikat jualan langsung di negara ini mencontohi usaha CNI yang banyak membantu melahirkan usahawan baru.

Beliau berkata, ada 631 syarikat jualan langsung di negara ini dan sejumlah RM6.6 bilion pendapatan negara disumbangkan melalui industri itu.

"Kita mahu mereka bukan saja membuka perniagaan di dalam negara, kalau boleh kembangkan usaha itu ke luar seperti CNI yang meluaskan pasaran produk mereka ke serata Asia," katanya.

Beliau juga mahu syarikat jualan langsung menjalankan perniagaan mereka dengan jujur dan tidak meraih keuntungan cepat dengan menipu orang ramai.

"Sepanjang 2005 sehingga April tahun ini, Kementerian mengesan 176 kes penipuan dan berjaya menyita barang serta produk syarikat berjumlah RM6.3 juta," katanya.

Beliau berkata, arahan sama diberikan kepada syarikat yang menjalankan peraduan gores dan menang agar memberikan hadiah seperti dijanjikan.

"Daripada 400 syarikat menjalankan perniagaan itu, sepanjang 2005 hingga April tahun ini, 18 lesen sudah dibatalkan kerana melakukan penipuan," katanya.

Selain itu, beliau menasihati orang ramai usah terpedaya dengan skim cepat kaya yang menjanjikan pulangan duit berlipat ganda dengan cepat.

**Tajuk Artikel: Pesta buku padat dengan pengunjung**  
**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 7 Mei 2007 – Isnin**  
**Oleh Sharifah Salwa Syed Akil**

**Sambutan pengunjung terhadap Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur bukti minat membaca di kalangan masyarakat meningkat**

TANGGAPAN sesetengah pihak rakyat negara ini kurang membaca kurang tepat jika dinilai sambutan terhadap penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) selama 10 hari di ibu negara yang berakhir semalam.

Saban tahun PBAKL yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kerap dibanjiri pengunjung bukan saja dari sekitar Lembah Klang juga dari seluruh negara.

Pesta buku pada 2005 mencatatkan 500,000 pengunjung dan meningkat kepada 700,000 tahun lalu. Berdasarkan sambutan itu, tahun ini sekali lagi penganjur meletakkan sasaran sejuta pengunjung.

Justeru, timbul persoalan jika masyarakat kita tidak gemar membaca, kenapa kehadiran pengunjung ke PBAKL yang dianjurkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan kerjasama pelbagai pihak itu terus meningkat saban tahun.

Tinjauan mendapati empat dewan termasuk satu ruang legar yang disediakan sebagai tapak pesta buku penuh sesak dengan orang ramai yang mahu mendapatkan pelbagai jenis buku.

Kehadiran pesta buku itu sememangnya dinanti-nantikan masyarakat pembaca. Dengan 631 gerai pameran membabitkan 137 syarikat penerbitan tempatan, 18 agensi kerajaan dan 27 dari luar negara, kunjungan ke PBAKL berjaya membuatkan 'ulat buku' teruja.

Pelbagai bahan bacaan boleh diperoleh daripada buku, novel, majalah, buku kanak-kanak dan bacaan pendidikan pelbagai syarikat penerbitan dalam dan luar negara dipamer dan dijual.

Orang ramai ketika ditemui tidak menafikan kehadiran pesta buku adalah suatu yang dinantikan setiap tahun. Bagi mereka, inilah peluang terbaik mendapatkan pelbagai jenis bahan bacaan termasuk novel, majalah hiburan, kemasyarakatan, pendidikan, pelancongan dan hiasan yang boleh dibeli di bawah satu bumbung.

Zamrudah Zainuddin, 48 berkata, tabiat membaca perlu dipupuk sejak kecil dan penganjuran pesta buku adalah antara usaha menjadikan ia sebagai budaya.

"Saya memang galakkan anak membaca buku sama ada buku cerita atau majalah. Sekiranya minat membaca dipupuk sejak kecil, saya yakin membaca boleh dijadikan tabiat sehingga mereka dewasa.

"Sebab itu, saya dan suami tidak kedekut mengeluarkan sejumlah wang untuk membeli pelbagai jenis bahan bacaan bagi menarik minat mereka," katanya.

Beliau bagaimanapun, mengakui tidak dapat mengunjungi PBAKL setiap tahun kerana menetap di Dungun Terengganu.

"Jika saya mempunyai urusan di ibu kota kebetulan pula sedang berlangsung pesta buku, saya sekeluarga sememangnya tidak melepaskan peluang mengunjunginya.

"Sebelum ini, saya hanya membeli buku termasuk buku pelajaran anak di Kuala Terengganu dan kadangkala jika berkesempatan ke Kuantan tetapi pilihannya agak terhad," katanya.

Kakitangan kerajaan, Ribhan Zafira Abdul Rahman, 32, mengakui jarang mengunjungi pesta buku bukan kerana tidak berminat tetapi tidak mempunyai peluang dan kesempatan berikutan tuntutan kerja yang agak banyak.

"Sibuk memang sibuk tetapi saya mencuri masa ke sini untuk mencari buku yang sesuai dengan usia anak sulung dan kedua. Selama ini, mereka masih kecil jadi saya tidak kisah sangat jika tidak dapat datang ke sini.

"Sekarang, dua anak saya sudah memasuki usia enam dan lima tahun. Masing-masing sudah bersekolah. Jadi, mereka perlu didedahkan pelbagai bahan bacaan untuk pengembangan minda mereka.

"Tetapi pada masa sama saya mahu terapkan budaya membaca kerana apabila meningkat dewasa, minat dan tabiat membaca akan terus bercambah dan boleh dijadikan budaya," katanya.

Kakitangan swasta, Ayop Remot, 41, memperuntukkan RM300 untuk membeli pelbagai bahan bacaan untuk ahli keluarganya.

"Saya galakkan anak membaca, tidak kira majalah, buku ilmiah atau novel. Nampaknya, usaha ini berjaya kerana kebanyakan anak saya memang gemar membaca.

"Setiap tahun, mereka tidak sabar mengunjungi pesta buku kerana mereka tahu pada masa itu, pelbagai penerbitan tidak melepaskan peluang mengeluarkan buku baru keluaran masing-masing," katanya.

## **Tajuk Artikel: Minyak masak peket cukup**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 7 Mei 2007 – Isnin**

SHAH ALAM 6 Mei – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) telah membuat pemeriksaan terhadap kira-kira 1,600 premis runcit di seluruh negara bagi memastikan bekalan minyak masak dalam peket mencukupi.

Timbalan Menteri, Datuk S. Veerasingam berkata, kementerian juga telah memberi amaran kepada lebih 200 peruncit yang enggan menjual minyak masak jenis peket seberat sekilogram supaya tidak berbuat demikian dengan alasan harga kawalan RM2.50 sepeket tidak menguntungkan mereka.

Katanya, pemantauan tersebut dijalankan bagi memastikan pengguna tidak menghadapi masalah ketiadaan minyak masak peket seberat satu kilogram kerana harga pasaran minyak kelapa sawit yang naik dan menjejaskan pengeluaran minyak masak jenis itu.

“Kerajaan akan buat sesuatu supaya pekilang dapat membekalkan lebih banyak minyak masak peket dan peruncit tidak mengalami kerugian apabila menjualnya kepada pengguna,” katanya kepada pemberita selepas majlis Perhimpunan Agung Wanita, Pemuda dan Puteri MIC 2007 di sini hari ini.

Beliau berkata, kementeriannya baru-baru ini telah berbincang dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi supaya isu yang timbul diselesaikan dengan segera agar tidak menjejaskan semua pihak.

Katanya, dalam masa seminggu dua ini, kementeriannya menjamin bahawa minyak masak peket akan dibekalkan dengan mencukupi ke semua tempat di seluruh negara.

Sebelum ini, sebahagian besar pekedai enggan menjual minyak masak dalam peket kerana tidak memberikan keuntungan banyak dan harganya tidak boleh dinaikkan kerana ia adalah barang kawalan dan kerajaan terpaksa menanggung subsidi bagi mengawal harga bahan berkenaan.

Bagaimanapun ia tidak memberi kesan terhadap pengeluaran minyak masak kelapa sawit dalam botol. Beliau berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang menjual minyak itu melebihi harga siling yang ditetapkan.– Bernama

## **Tajuk Artikel: Jangan jadikan ‘perjanjian’ lesen naikkan yuran sewenang-wenang**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 7 Mei 2007 – Isnin**

JOHOR BAHRU 6 Mei – Astro All Asia Networks Plc. (Astro) diminta tidak menjadikan perjanjian yang termaktub antara stesen televisyen itu dan pelanggan sebagai ‘lesen’ untuk menaikkan yuran bulanan sewenang-wangnya sehingga membebankan pelanggan.

Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Pengguna Johor (PKPJ), Mohamad A. Jalal berkata, sebaliknya Astro perlu lebih prihatin terhadap tanggungjawab sosialnya kepada pelanggan dan bukan untuk meraih keuntungan semata-mata. Beliau berkata, Astro tidak sepatutnya mengenakan yuran langganan bulanan yang tinggi kerana ia mampu memperoleh pendapatan tambahan melalui penyiaran iklan-iklan komersial.

“Syarikat berkenaan sudah keterlaluan dan perlu mengkaji semula keputusannya menaikkan yuran bulanan kerana bukan semua rancangan yang disajikan itu ditonton pelanggan,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Astro menaikkan yuran langganan bulanan kepada pelanggan antara RM5 dan RM15 berkuat kuasa Jun ini.

Mohamad berkata, tidak semua rancangan yang disajikan oleh Astro benar-benar berkualiti malah sebahagian rancangan sering diulang tayang sehingga menjemukan penonton.

Beliau turut kesal kerana Astro tidak mengambil kira gangguan siaran yang sering dialami pelanggan semasa hujan sebelum membuat keputusan untuk menaikkan kadar yuran. "Gangguan siaran akan berlaku sewaktu hujan dan pelanggan terus kerugian jika hujan berterusan setiap hari sepanjang sebulan," katanya.

## **Tajuk Artikel: Wajib buat pemeriksaan Puspakom Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 7 Mei 2007 – Isnin**

BUKIT MERTA JAM 6 Mei – Kerajaan akan mewajibkan kereta-kereta terpakai menjalani pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) sebelum berpindah milik bagi mengelak kereta potong-sambung terus berada di atas jalan raya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, pemeriksaan itu bagi memastikan kereta-kereta berkenaan bukan kenderaan yang tidak sah dan boleh membahayakan pemilik baru kenderaan terbabit.

Menurutnya, pengumuman mengenai langkah penguatkuasaan peraturan baru itu akan dimaklumkan dalam masa terdekat. "Kabinet baru-baru ini meluluskan langkah berkenaan bagi melindungi pemilik kenderaan terpakai supaya tidak ditipu bahawa itu adalah kereta potong-sambung sebelum diluluskan proses pindah milik oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya. Beliau bercakap kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat perhubungan MCA negeri di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa Puspakom mengesan sebanyak 1,200 kereta potong-sambung dari Januari hingga Mac lalu. Sepanjang tahun lalu sebanyak 4,629 kes yang sama dikenal pasti manakala tahun sebelumnya sebanyak 4,062 kes sementara 2,368 kes bagi 2004 dan 521 kes pada 2003.

Dalam pada itu, Kong Choy berkata, langkah berkenaan telah pun diamalkan oleh institusi kewangan sebelum meluluskan pinjaman bagi kereta terpakai. Katanya, kerajaan kini mengambil langkah proaktif dengan menjadikan pemeriksaan itu sebagai mandatori sama ada melalui pembelian tunai atau pinjaman bank.

"Kerajaan amat mengambil berat soal keselamatan pemilik kenderaan jenis itu supaya keselamatan mereka terjamin di jalan raya dan tidak ditipu," jelasnya. Beliau berkata, agensi terbabit telah pun bersedia dengan tenaga kerja termasuk kepakaran dan keupayaan mengesan kereta yang tidak layak berada di atas jalan raya.

"Puspakom sekarang sedang mengkaji dengan terperinci beberapa perkara dengan JPJ dan piawai kementerian sebelum penguatkuasaannya dijalankan kelak," tambahnya. Katanya, selepas ini JPJ hanya akan mengeluarkan dokumen pindah milik setelah berpuas hati dengan sijil pengesahan dikeluarkan Puspakom.

Dalam pada itu, Kong Choy memberitahu, kementerian sedang mengkaji cadangan tidak membenarkan kenderaan lama berada di atas jalan raya. "Polisi itu telah menjadi amalan di kebanyakan negara, malah ada negara mewajibkan pemeriksaan selepas tiga, lima atau tujuh tahun.

"Apa pun kita tidak tergesa-gesa dalam soal itu kerana perlu mengambil kira banyak pihak," jelasnya.

**Tajuk Artikel: Penipu jual nama HM**  
**Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 7 Mei 2007 – Isnin**  
**Oleh Hayati Ibrahim**

PUTRAJAYA: Nama Harian Metro (HM) sekali lagi digunakan individu tertentu untuk mengaut keuntungan mudah daripada pengiklan akhbar ini dengan alasan mengutip derma kononnya untuk pembinaan dewan makan anak-anak yatim Wilayah Persekutuan bernilai RM250,000.

Sebagai balasan, pengiklan yang memberi sumbangan RM1,099 akan menerima iklan percuma selama 19 hari berturut-turut mulai 9 hingga 27 Mei.

Individu yang mendakwa dari Unit Iklaneka Harian Metro, memaklumkan kepada mangsa mereka sebahagian daripada penaja rasmi Persatuan Tabung Anak-anak Yatim Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab memungut derma berkenaan.

Bagi menyakinkan mangsa, individu terbabit menggunakan nama Timbalan Pengarang Pengiklanan Kumpulan Harian Metro, Mokhtar Tajuddin sebagai rujukan jika ada sebarang masalah.

Terbaru, seorang pengiklan Harian Metro mendakwa kakitangannya menerima panggilan daripada seorang lelaki kira-kira jam 2 petang, Jumaat lalu yang memaklumkan sedang mengutip derma untuk tujuan berkenaan.

Lebih pelik, katanya, pemanggil mengarahkan wang dimasukkan segera sebelum jam 3 petang itu juga, kerana pihak terbabit mendakwa perlu membuat majlis pelancaran mengenainya.

"Ketika kakitangan memaklumkan mengenainya, saya terkejut dan was-was kerana tindakannya yang terlalu tergesa-gesa.

"Disebabkan itu, saya menghubungi Harian Metro untuk memastikan sama ada terdapat tawaran seumpama itu kepada setiap pengiklannya.

"Lebih menghairankan, individu itu hanya meminta RM1,099 untuk siaran iklan selama 19 hari dan ia langsung tidak masuk akal," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Apabila diberitahu, syarikat belum memutuskan mengenai perkara itu, individu terbabit memberi tempoh sehingga jam 3 petang Isnin (hari ini) untuk memasukkan wang supaya iklan mereka dapat disiarkan dengan harga murah.

Selain itu, kakitangannya juga memberitahu, individu itu mendakwa sudah menghantar e-mel kepada syarikat, sebelum ini, tetapi beliau tidak menerima sebarang e-mel berhubung perkara itu.

Bagaimanapun, selepas diminta menghantar e-mel sekali lagi, individu berkenaan menghantarnya menggunakan nama Penolong Pengarang Jabatan Pengiklanan Unit Derma Harian Metro, Salbiah Osman.

Melalui e-mel itu, pengirim menyertakan maklumat terperinci mengenai kutipan derma itu termasuk tujuan diadakan serta nombor akaun untuk memasukkan wang terbabit.

Di samping itu, individu itu juga mendakwa iklan yang akan disiarkan di muka depan akhbar ini bersaiz 25 sentimeter x 6 sentimeter sepanjang tempoh berkenaan.

Katanya, bagi mendapatkan ruang iklan percuma itu, pihaknya boleh memasukkannya ke akaun Bank

Simpanan Nasional (BSN) bernombor 14183-29-000060350 atas nama Mohd Asri Salleh (Bendahari Kewangan 1 Tabung Anak-Anak Yatim Wilayah Persekutuan).

Namun, jika derma dibuat secara tunai, syarikat perlu menuliskan nombor 061899 di belakang slip BSN dan faks ke 03-22849004 yang didakwa sebagai ibu pejabat unit cetak siar derma iklan sebelum jam 6 petang.

"Saya semakin was-was apabila semua perkara perlu dibuat dengan segera dan tempoh yang diberikan singkat dan tergesa-gesa, sedangkan kami perlu meneliti syarat dan berbincang dengan pengurusan sebelum membuat keputusan.

"Saya percaya individu berkenaan mendapat nombor telefon pejabat dari ruang iklan yang diterbitkan Jumaat lalu.

"Nasib baik saya terus menghubungi Harian Metro untuk mengesahkan perkara ini, jika tidak saya tidak tahu apa yang terjadi," katanya.

Kes seumpama ini pernah dilaporkan akhbar ini sejak beberapa tahun lalu, tetapi bagi mengaburi pihak berkuasa, pihak berkenaan bertindak menukar nombor akaun beberapa kali tetapi masih mengekalkan Mohd Asri sebagai nama pemegang akaun.

Selain mendakwa mengutip derma untuk anak-anak yatim, golongan itu turut menggunakan nama HM untuk mengutip wang kononnya bagi disumbangkan ke tabung bantuan mangsa tsunami.

Kes ketiga dilaporkan adalah seorang lelaki dikesan cuba mengaut keuntungan mudah dengan menggunakan nama wartawan akhbar Harian Metro/Metro Ahad (HM/MA) untuk meminta bayaran daripada artikel yang diterbitkan.

## **Tajuk Artikel: Laporan Awal Tanah Runtuh Dapati Parit Tidak Diselenggara Baik**

**Sumber / Tarikh: Bernama Online 7 Mei 2007 – Isnin**

SHAH ALAM, 6 Mei (Bernama) -- Laporan awal kejadian tanah runtuh di kuarters kakitangan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) di Jalan Sultan Salahuddin, pada Jumaat lepas menunjukkan sistem perparitan di kawasan sekeliling tidak diselenggara dengan baik, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata hujan lebat yang turun mengakibatkan tanah di kawasan terbabit menjadi lembab dan air hujan serta air larian permukaan tidak dapat dialirkan dengan sempurna lalu mengalir ke kawasan runtuhan.

"Terdapat juga paip air yang pecah di bahagian atas rekahan kawasan kejadian namun belum dapat dipastikan sama ada ia berlaku sebelum atau selepas kejadian tanah runtuh itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Wanita, Pemuda dan Puteri MIC 2007 di sini hari ini.

Berdasarkan laporan Unit Forensik Tanah Runtuh Cawangan Kejuruteraan Cerun Jabatan Kerja Raya (JKR) yang diterimanya pagi ini, Samy Vellu berkata pemerhatian pakar JKR mendapati terdapat tanda rekahan tegasan di bahagian atas kawasan.

Selain itu, satu runtuhan kecil juga telah dikesan sehari sebelum kejadian berlaku dan telah pun dilaporkan kepada Syabas.

Satu cadangan jangka pendek bagi menangani masalah itu, kata Samy Vellu ialah sistem perparitan di kawasan itu perlu diselenggara dan dibaiki supaya air dapat mengalir dengan baik dan tidak memasuki kawasan kuarters yang dibina oleh pihak British sebelum zaman merdeka.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diminta memantau kawasan itu dengan kerjasama polis dan sekiranya terdapat sebarang pergerakan, mereka perlu memaklumkan segera kepada JKR," katanya.

Menteri Kerja Raya itu berkata satu kajian geoteknikal secara terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan kestabilan cerun di kawasan itu manakala Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR menyiapkan cadangan reka bentuk pembaikan dalam masa dua minggu.

-- BERNAMA

## **Tajuk Artikel: K'jaan Akan Bayar Ganti Rugi Kepada Pembekal Minyak Masak**

**Sumber / Tarikh: Bernama Online 7 Mei 2007 – Isnin**

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan membayar balik kerugian atau memberi subsidi di atas kerugian yang dialami pembekal minyak masak berasaskan kelapa sawit berikutan perbezaan harga pasaran olein dan yang ditetapkan kerajaan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komiditi Datuk Peter Chin Fah Kui berkata langkah itu bertujuan menangani kenaikan minyak masak oleh sesetengah pembekal.

Beliau berkata langkah itu juga bertujuan menangani kesan kenaikan harga olein yang menyebabkan berlaku laporan kekurangan bekalan minyak masak di sesetengah tempat di utara Semenanjung.

"Yang pasti terdapat perbezaan antara harga olein dan harga yang ditetapkan kerajaan. Namun terdapat jurang dalam perbezaan itu kerana harga tetap tidak lagi menjadi realistik berikutan harga olein telah meningkat di pasaran," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Peter Chin berkata harga siling semasa minyak masak bagi paket 1kg adalah RM2.50 yang mana harga ini tidak dapat menampung kos pengeluaran semasa (dengan kenaikan harga olein) antara RM2.70 dan RM2.80 se kilogram, yang menyebabkan pembungkus lebih cenderung mengeluarkan minyak masak dalam botol lebih dari 2kg untuk mengurangkan kerugian.

Purata harga olein sawit bagi tempoh Januari-April 2007 telah meningkat mengikut peningkatan harga purata minyak mentah (CPO) kelapa sawit iaitu RM2,109.50 se tan.

Peter Chin berkata kementerianya menyediakan kira-kira RM45.13 juta bagi tujuan bayaran ganti rugi yang tunggakannya boleh dituntut pembekal mulai 1 Jan lepas.

Katanya berkuatkuasa 1 Jun, kerajaan akan mengenakan bayaran ses kepada pekilang sebagai langkah menampung perbezaan harga apabila harga olein meningkat melebihi RM1,700 se tan.

"Kenaikan ini (harga olein) telah berlaku beberapa kali sebelum ini... 1999 dan 2004," katanya.

Namun beliau berkata bayaran ses hanya boleh dikenakan terhadap ladang besar dan tidak kepada pekebun kecil seperti sebelum ini.

Kementerian itu mensasar pungutan ses sebanyak RM45 juta sebulan, katanya.

Peter Chin berkata kerajaan juga sedang mengkaji semula pelaksanaan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak bagi tahun ini agar harga siling minyak masak semasa dikekalkan.

Buat masa ini harga siling minyak masak yang diluluskan bagi bungkusan botol dengan berat 1, 2 dan 5 kg masing-masing adalah RM3.30, RM6.25 dan RM13.35 berpandukan kepada harga olein pada paras RM1,700.

Beliau berkata walaupun harga CPO melambung naik, kerajaan masih mengekalkan harga minyak masak pada paras harga siling yang ditetapkan sejak 1997 dengan memastikan bekalan purata sebanyak 50,000 tan minyak masak sebulan berasaskan sawit untuk kegunaan tempatan.

Peter Chin berkata mulai minggu depan, pegawai kementeriannya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memantau bekalan minyak masak di seluruh negara.

-- BERNAMA